

## KARANGAN 12 (O LEVEL)

Remaja masa kini kurang bijak memilih idola untuk dijadikan teladan. Bersetujukah kamu? Mengapa?

### BAHAGIAN PENGENALAN

Idola mempunyai pengaruh yang kuat dalam membentuk citarasa dan keinginan seseorang individu. Sebagai contoh, individu yang meminati seorang penyanyi yang terkenal, pastinya ingin juga menceburkan diri dalam bidang nyanyian dan bernyanyi sebaik idola pilihan mereka. Oleh itu, adalah penting untuk remaja bijak memilih idola supaya citarasa dan keinginan yang membina serta positif dapat dibentuk, malah membawa kepada jati diri yang lebih baik dalam diri mereka. Sekiranya kita ditanya apakah kriteria untuk seseorang personaliti dipilih sebagai idola? Adakah kriteria ini menjadi kayu pengukur dalam remaja memilih idola mereka? Persoalannya, adakah kita setuju bahawa remaja masa kini kurang bijak memilih idola untuk dijadikan teladan.? Mengapakah hal ini boleh berlaku?

### BAHAGIAN UTAMA

#### ***Idola dipilih berdasarkan wajah dan ketrampilannya***

Pertama dan utama sekali adalah remaja masa kini condong memilih idola berdasarkan wajah dan ketrampilan mereka. Dengan demikian jarang sekali kita lihat remaja menyanjungi seseorang yang memiliki keperibadian yang hebat tetapi tidak mempunyai ketrampilan yang memikat hati. Idola pilihan remaja hari ini kebanyakannya memiliki wajah yang cantik atau tampan. Terutamanya, minat remaja terhadap penyanyi K-pop hari ini mendorong sesetengah daripada mereka untuk menjalani pembedahan plastik agar kelihatan cantik atau tampan seperti idola mereka semata-mata untuk mengambil bahagian dalam rancangan nyanyian realiti televisyen. Jelaslah bahawa remaja masa kini kurang bijak memilih idola untuk dijadikan teladan. Seharusnya, keperibadian mulia, jika ada, pada idola mereka yang sepatutnya dicontohi, dan bukan sekadar wajah mereka yang cantik atau tampan.

#### ***Idola dipilih berdasarkan populariti dalam bidang nyanyian dan lakonan***

Kedua dan sama penting juga adalah remaja masa kini gemar memilih idola berdasarkan populariti mereka dalam bidang nyanyian dan lakonan. Dengan kata lain, kepopulariti mereka dalam bidang tersebut seolah-olah memudahkan mereka menjadi buah mulut ramai remaja. Mungkin remaja-remaja ini merasakan yang mereka tidak ketinggalan jika mampu menunjukkan yang mereka mempunyai pengetahuan yang